

'Lebih teknikal, menyeluruh'

► Jambatan Labuan-Menumbok bukan kajian biasa

UG 9.11.2017 A2

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

KOTA KINABALU: Cadangan pembinaan jambatan Labuan-Menumbok bukan sekadar kajian biasa, tetapi lebih teknikal dan menyeluruh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Panglima Abdul Rahman Dahlan berkata, jambatan berkenaan adalah keutamaan yang tinggi khususnya sebagai pemangkin ekonomi.

Katanya, pembinaan jambatan itu bukan sahaja memberi manfaat kepada Labuan, malah turut membantu pembangunan ekonomi kawasan selatan

Sabah dan utara Sarawak.

Menurutnya, khabar angin yang tular mengatakan kajian untuk pembinaan jambatan Labuan-Menumbok hanya kajian biasa adalah satu tuduhan yang tidak berasas.

"Kerajaan Persekutuan turut meluluskan cadangan pembinaan jambatan ini dan dibawah Bajet 2018,

peruntukan sebanyak RM14.31 juta disediakan untuk menjalankan kajian.

"Menerusi peruntukan ini, kita akan menjalankan kajian yang lebih teknikal dinamakan 'Techno Economic Feasibility Study'.

"Dalam tempoh sebulan, kita akan melantik konsultan untuk kajian ini bagi melihat secara

menyeluruh termasuklah di mana permulaan dan penghujung jambatan ini akan dibina," jelasnya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Transformasi Sosial, Komuniti dan Pembangunan Mampan 2017 anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini pada Rabu.

Abdul Rahman berkata, kajian itu akan melibatkan rekaan kejuruteraan awal, analisis ekonomi dan kewangan, audit keselamatan jalan raya, pemantauan, penyelidikan persisiran, trafik serta alam sekitar.

Menurutnya, UMS pada


2010 pernah menjalankan kajian tetapi hanya kajian asas dan ia tidak melibatkan aspek teknikal.

Kajian yang dibuat sebelum ini jelasnya, hanya idea besar yang mengatakan jambatan itu baik untuk dibina.

Selain itu katanya, kajian berkenaan juga bukan hanya untuk memberikan harapan kepada rakyat Labuan dan Sabah, kerana sebagai menteri yang bertanggungjawab, ia adalah keutamaan beliau.

"Kajian ini turut mengambil kira jajaran yang paling sesuai sama ada ia dibina terus ke Menumbok atau perlu melalui pulau yang terdapat di tengah-tengah laluan terbabit.

"Kerajaan negeri juga



RAHMAN DAHLAN

sudah memikirkan apa pembangunan yang akan dibuat di kawasan Menumbok dan jambatan ini juga dijangka mula dibina tahun hadapan.

"Justeru, kita minta rakyat jangan mudah percaya dengan sebarang khabar angin yang mengatakan ini hanya kajian biasa," katanya.

“Justeru, kita minta rakyat jangan mudah percaya dengan sebarang khabar angin yang mengatakan ini hanya kajian biasa.”

DATUK SERI PANGLIMA ABDUL RAHMAN DAHLAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri